

INDONESIA

Universitas Jayabaya, sebuah universiti swasta dari Jakarta, Indonesia telah menghantar beberapa orang wakilnya ke UPM baru-baru ini. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk berbincang mengenai hubungan kerjasama melalui bidang akademik dan juga penyelidikan. Kemungkinan adanya program-program kembar di peringkat Sarjana dan Ph.D juga turut dibincangkan.

Wakil Universitas Jayabaya, Rektor Ir. Sjhamసు Anwar Asir berkata bahawa UPM dipilih sebagai model untuk hubungan kerjasama ini kerana ia mempunyai asas yang teguh dalam kajian-kajian yang men-



Ir. Sjhamసు Anwar Asir

jurus ke bidang teknologi pertanian dan ekonomi. Mereka juga berharap pertukaran dan perkongsian hasil dapatan antara kedua-dua universiti akan dapat dipindahkan kepada perniagaan dan industri.